

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]**

**SOALAN : 151**

**Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai program yang boleh meningkatkan pendapatan B40 di negeri Sabah di bawah penjadualan semula Bajet 2016.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), pendekatan pembangunan secara inklusif akan dilaksanakan bagi memastikan akses yang saksama kepada penyertaan dalam ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia untuk menuju ke arah pembentukan satu masyarakat yang adil dan saksama. Ia meliputi keseluruhan masyarakat di Malaysia dan memberi tumpuan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) termasuk di Sabah. Fokus strategi/program adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 ke arah menambah baik kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Antara strategi/program yang dilaksanakan adalah:

- (i) Meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran;
- (ii) Meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden;
- (iii) Meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi;
- (iv) Meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu dengan kerjasama agensi seperti SME Corp, TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana di bandar dan luar bandar;
- (v) Membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial berdasarkan kepada model koperasi;
- (vi) Menggalakkan sektor swasta, terutamanya syarikat multinasional (MNC) dan syarikat tempatan melabur di kawasan majoriti isi rumah B40 bagi tujuan menyediakan peluang

pekerjaan yang lebih baik, terutamanya pekerjaan bergaji tinggi;  
dan

- (vii) Memperluaskan program pelaburan seperti Amanah Saham Wawasan (ASW) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan isi rumah B40.

Bagi negeri Sabah, sebanyak 43 projek pembangunan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan isi rumah B40 telah diluluskan di bawah pengubahsuaian Bajet 2016 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM255 juta. Daripada jumlah projek tersebut, 36 adalah projek baharu dan baki 7 buah projek adalah berstatus sambungan. Perincian projek tersebut adalah seperti di Lampiran.

Sekian, terima kasih

LAMPIRAN

Bil.	Nama Projek	Kategori Projek	Kementerian
1	Aktiviti Ekonomi Tambahan Peneroka <i>Sabah Land Development Board (SLDB)</i>	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
2	Infrastruktur Ladang Program Pembangunan Tanah Geran Komunal Bombong 1, Kota Marudu	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
3	Infrastruktur Ladang Program Pembangunan Tanah Geran Komunal Kabintaluan, Tenom	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
4	Infrastruktur Ladang Program Pembangunan Tanah Geran Komunal Sumatalun, Nabawan	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
5	Infrastruktur Ladang Program Pembangunan Tanah Terancang Iburu, Sipitang	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
6	Infrastruktur Ladang Program Pembangunan Tanah Terancang Lumiri, Nabawan	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
7	Infrastruktur Ladang Program Tanam Semula Sawit Peneroka Di Pantai Timur Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
8	Jalan Masuk FELCRA Berhad Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
9	Naiktaraf Hatcheri Pembenihan Ikan Marin Di Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
10	Naiktaraf Kawasan Tumpuan Pengeluaran Tanaman Kontan Di Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
11	Naiktaraf Kemudahan Inkubator Pembenihan Air Tawar Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
12	NKEA Getah : EPP 1 : <i>Increasing Average National Rubber Productivity</i> - Latihan Pekebun Kecil Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
13	NKEA Getah : EPP 2 - <i>Ensuring Sustainability Of Upstream Rubber Industry</i> - Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sabah) - Fasa 2	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
14	NKEA Getah : EPP2 - <i>Ensuring Sustainability Of Upstream Rubber Industry</i> - Tanam Semula Getah Secara Berkelompok (Sabah) - Fasa 2	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Kategori Projek</b>	<b>Kementerian</b>
15	Pembangunan Dan Pemulihan Kawasan Tumpuan Tanaman Kopi	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
16	Pembangunan Kawasan Tanam Baru Sawit Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
17	Pembangunan Kawasan Tanam Baru Sawit Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
18	Pembangunan Kawasan Tanam Semula Getah Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
19	Pembangunan Kawasan Tumpuan Tanaman Buah-Buahan	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
20	Pembangunan Kawasan Tumpuan Tanaman Pisang Sabah Secara Kluster	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
21	Pembangunan Ladang Contoh Akuakultur Marin Dan Air Tawar	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
22	Pembangunan Produk Hiliran Perikanan Dan Keusahawanan	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
23	Pembangunan Tanaman Nanas MD2 Di Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
24	Pemulihan Tanah Sawah Terbiar Di Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
25	Pemulihan Tanaman Kelapa Matag Di Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
26	Pemuliharaan Sumber Perikanan Pantai Melalui Pembinaan Tukun Tiruan	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
27	Peningkatan Produktiviti Dan Pembangunan Pekebun Kecil Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
28	Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
29	Perolehan Lembu Dan Kambing Untuk Pembakaan Dan Ternakan	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
30	Program Khas Anak Negeri Sabah	Baharu	Jabatan Perdana Menteri
31	Program Pembangunan Tanah Geran Komunal Bombong 1, Kota Marudu	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
32	Program Pembangunan Tanah Terancang Iburu, Sipitang	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
33	Program Pembangunan Tanah Terancang Lumiri, Nabawan	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Kategori Projek</b>	<b>Kementerian</b>
34	Program Tanam Semula Sawit Peneroka Di Pantai Timur Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
35	Projek Transformasi Tenusu Sabah	Baharu	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
36	Tanam Semula Getah Sambungan Negeri Sabah	Baharu	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
37	NKEA Getah : EPP 2 - <i>Ensuring Sustainability Of The Upstream Rubber Industry</i> - Penanaman Getah Berkelompok Di Daerah Penampang, Sabah	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
38	NKEA Getah : EPP2 - <i>Ensuring Sustainability Of Upstream Rubber Industry</i> - Tanam Baru Getah Secara Berkelompok (Sabah) - Fasa 1	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
39	NKEA Getah : EPP2 - <i>Ensuring Sustainability Of Upstream Rubber Industry</i> - Tanam Semula Getah Secara Berkelompok (Sabah) - Fasa 1	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
40	Program Pembangunan Tanah Geran Komunal Kabintaluan, Tenom	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
41	Program Pembangunan Tanah Geran Komunal Sumatalun, Nabawan	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
42	Projek Agropolitan Gana, Kota Marudu, Sabah	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
43	Projek Khas Tanam Baru Dengan Getah Di Kawasan Termundur Di Semenanjung Bengkoka, Pitas	Sambungan	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah